

Bapa Malaysia Moden

Dr. Mahathir Mohamad

Oleh WARTAWAN UTUSAN

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad, Presiden UMNO yang kelima, lahir pada 20 Disember 1925 di No. 18, Lorong Kilang Ais, Seberang Perak, Alur Setar, Kedah. Penglibatannya dalam politik bermula pada 1945 dengan menyertai Sarikat Kebajikan Am Saiburi (Saberkas), Kesatuan Melayu Muda Kedah dan seterusnya UMNO (1946).

Pada 1965, beliau dipilih menjadi ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO. Selain pengharan bukunya, *The Malay Dilemma*, Dr. Mahathir juga pernah dipecat daripada menjadi MKT UMNO (13 Julai 1969) dan seterusnya dipecat pula daripada parti (26 September 1969).

Dr. Mahathir yang pernah digelar 'Ultra Malay' diterima balik menyertai UMNO pada 7 Mac 1972 dan dilantik ahli Dewan Undangan Negara (1973-1974). Pada 1974, beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran.

Apabila Perdana Menteri/Presiden UMNO ketika itu, Allahyarham Tun Razak Datuk Hussein meninggal dunia pada 14 Januari 1976, pengantinya Allahyarham Tun Hussein Onn melantik Dr. Mahathir sebagai Timbalannya (3 Mac 1976). Ketika itu beliau

Bersambung di muka 18

Dari Muka 17

merupakan Naib Presiden UMNO.

Pada Perhimpunan Agung UMNO 1978, Dr. Mahathir telah menang tanpa bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden parti.

Dr. Mahathir seterusnya dipilih pula menjadi Presiden UMNO mulai 26 Jun 1981 dan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada 16 Julai 1981 bagi mengambil tempat Tun Hussein yang meletakkan jawatan di dalam parti dan kerajaan akibat gangguan kesihatan.

Sebaik sahaja menjadi Perdana Menteri, Dr. Mahathir melakukan pelbagai perubahan dasar yang drastik dari segi pentadbiran, pemikiran dan perjuangan.

Antara pembaharuan yang dilaku-

kannya ialah mengemukakan dasar Pandang Ke Timur, Bersih, Cekap, Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan, Persyarikatan Malaysia, pengeluaran kereta nasional pertama, penerapan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam, menyamakan waktu di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak yang kemudian diikuti oleh Singapura serta Wawasan 2020.

Wawasan 2020 dikemukakan oleh beliau pada 28 Februari 1991 sebagai matlamat dan rancangan jangka panjang negara untuk menjadi negara maju dengan acuannya sendiri pada 2020.